

SIARAN MEDIA



BIMB HOLDINGS MELANGKAH KE ARAH PENYENARAIAH BANK ISLAM

KUALA LUMPUR, Khamis, 10 Disember 2020: BIMB Holdings Berhad ("BHB") hari ini mengumumkan akan meneruskan usaha penstrukturkan semula kumpulannya yang akan membuka nilai signifikan bagi pemegang saham dan memindahkan status penyenaraian kepada anak syarikatnya, Bank Islam Malaysia Berhad ("Bank Islam").

Dalam pengumumannya kepada Bursa Malaysia Securities Berhad mengenai cadangan pelaksanaan tersebut, BHB memaklumkan pihaknya telah mendapat persetujuan dari Menteri Kewangan dan Bank Negara Malaysia ("BNM") berhubung cadangan penyusunan semula dalaman dan agihan serta pembayaran balik modal.

Setelah muktamad cadangan pelaksanaan tersebut, status penyenaraian BHB akan dipindahkan ke Bank Islam, yang akan muncul sebagai satu-satunya institusi kewangan Islam lengkap yang tersenarai di rantau ini dan sekali gus meningkatkan kedudukan korporatnya.

Penyenaraian ini akan membolehkan Bank Islam memperkuuh kedudukannya dalam pasaran kewangan dan pasaran modal Islam dengan lebih baik dan memanfaatkan pertumbuhannya dalam usaha mengembangkan asas pelanggannya.

Penasihat utama untuk cadangan pelaksanaan ini adalah Maybank IB.

Mengenai BIMB Holdings Berhad

BIMB Holdings Berhad ("BHB") adalah Syarikat Pemegangan Kewangan Islam yang pertama yang diluluskan oleh Bank Negara Malaysia di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013. BHB diperbadankan di Malaysia pada 20 Mac 1997, dan disenaraikan di Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad pada 16 September tahun yang sama. Anak-anak syarikat utama Kumpulan BHB merupakan pelopor dalam pelbagai perkhidmatan kewangan Islam termasuk perbankan, takaful, dagangan saham, dan lain-lain perkhidmatan berkaitan iaitu Bank Islam Malaysia Berhad, Syarikat Takaful Malaysia Keluarga Berhad dan BIMB Securities Sdn. Bhd.

Diterbitkan oleh : Komunikasi Korporat Kumpulan, BIMB Holdings Berhad

Untuk maklumat lanjut : Wan Norkhairi Wan Samad
Ketua, Komunikasi Korporat
BIMB Holdings Berhad
Tel : +603-27821232
Faks : +603-20888110
Emel : wnorkhairi@bankislam.com.my

Omar Atin
Penolong Timbalan Presiden, Perhubungan Awam
Komunikasi Korporat Kumpulan
BIMB Holdings Berhad

Tel : +603-27812943 / +6019-3919144
Faks : +603-27812988
Emel : omar@bimboldings.com

Johanna A. Sobrey
Komunikasi Korporat Kumpulan
Hubungan Media & Editorial
Bank Islam Malaysia Berhad
Tel : +603-26882654 / +6012-2046844
Faks : +603-27812998
Emel : johanna@bankislam.com.my